



MEI 2023

EDISI PERTAMA

E-BULETIN

KOPERASI KGMMB BERHAD

UCAPAN PENGERUSI

Segala puji bagi Allah S.W.T yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat, keluarga baginda serta para pendukung Islam hingga ke akhir zaman.

Alhamdulilah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya pada tahun ini kita dapat mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-25. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Kawasan untuk hadir dalam MAPT hari ini untuk memenuhi tanggungjawab sebagai wakil demi memastikan koperasi ditadbir urus mengikut peraturan dan tadbir urus yang baik.

Pembangunan koperasi kita tidak lari daripada dasar yang ditetapkan oleh kerajaan di bawah Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM 2021-2025). Sehubungan itu, Koperasi kita telah tersenarai dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2022 di tempat ke-85. Hal ini menunjukkan bahawa koperasi telah ditadbir urus dengan baik dan mendapat kerjasama daripada anggota-anggotanya.

Berdasarkan Akaun Untung Rugi yang Disatukan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, koperasi berjaya meningkatkan pendapatan kepada RM4,660,063.00 dan mencatatkan keuntungan berjumlah RM2,746,105.00 iaitu meningkat sebanyak RM1,570,108.00 atau 113.51% berbanding tahun lalu. Peningkatan keuntungan dalam keadaan ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu adalah sesuatu positif dan disyukuri. Kita berharap anggota-anggota koperasi terus memberi komitmen terhadap aktiviti koperasi.

Koperasi terus mengorak langkah dengan mempelbagaikan aktiviti bagi memastikan koperasi berdaya maju dan mampan serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi anggota dan negara. Antara aktiviti yang dalam proses pembangunan ialah membuka Pusat Perkhidmatan Dialisis dengan usahasama MyAngkasa Dialisis Sendirian Berhad di Sungai Tong, Terengganu, menjual tanah lot di Kg. Gemuruh, Kuala Nerus, Terengganu dan projek perumahan di Mukim Semantan, Temerloh, Pahang.

Pihak koperasi mengharapkan para perwakilan yang dilantik sebagai jawatankuasa di peringkat negeri akan menjalankan peranan sebagai penghubung kepada anggota di negeri masing-masing supaya maklumat koperasi dapat disampaikan kepada semua anggota.

Akhir kata, selamat bersidang dan sama-sama kita berdoa agar koperasi kita terus maju dan berjaya mencapai visi dan misinya. Sekian, terima kasih.





MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOPERASI BERLANGSUNG MERIAH

Bermula Mac hingga Mei 2023, dua belas Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi KGMMB Berhad telah diadakan. Mesyuarat telah berlangsung meriah dan berjaya. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Cikgu Ibrahim Marlan, Pengurus Koperasi KGMMB Berhad.

Seramai 2,951 anggota telah hadir manakala seratus tiga belas anggota telah dipilih sebagai perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan. Pameran jualan dan pembiayaan yang melibatkan lima belas pembekal turut diadakan sepanjang Mesyuarat Agung Kawasan berlangsung. Hampir 800 ribu nilai jualan berjaya diperolehi. Barang kemas, motosikal, komputer riba antara yang mendapat sambutan anggota.

PRESTASI KOPERASI JANUARI HINGGA MEI 2023

Keanggotaan baru menunjukkan peningkatan. Seramai 267 anggota baru telah berjaya didaftarkan. Pembiayaan koperasi juga meningkat dengan mendadak. Sehingga Mei 2023, RM5,382,776.58 pembiayaan telah dikeluarkan kepada anggota dengan pecahan (Peribadi :RM2,354,070.00, Khas : RM1,053,706.58, Pengguna : RM1,975,000.00)


ISI KANDUNGAN

MESYUARAT AGUNG KAWASAN	MS
KEDAH	• 3
PERAK	• 4
KELANTAN	• 5
TERENGGANU	• 6
SELANGOR	• 7
JOHOR	• 8
MELAKA	• 9
PERLIS	• 10
PAHANG	• 11
NEGERI SEMBILAN	• 12
PULAU PINANG	• 13
WILAYAH PERSEKUTUAN	• 14

KEANGGOTAAN BARU JANUARI HINGGA MEI 2023



PEMBIAYAAN AGGOTA JANUARI HINGGA MEI 2023



SIDANG PENGARANG

Pengerusi:
Cikgu Ibrahim bin Marlan

Naib Pengerusi:
Cikgu Abdullah bin Mamat

Editor:
Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari

Pengarang:
Cikgu Hj Mohd Said bin Hussin
Cikgu Mohamad Arsal bin Mat Jelani

Setiausaha:
En. Ahmad Fahrulrazi bin Ahmad Wahiddin

Penolong Setiausaha:
Puan Hajah Norsimah binti Zainal Abidin

Grafik:

En. Mohd Aznan bin Ahmad
En. Daniel Imran Bin Zuklefi

Jurufoto:

Cik Nurul Naim binti Mohd Yusuf
Muhammad Syafiq Bin Mohamad

MESYUARAT AGUNG KAWASAN KEDAH 2023

DEWAN ALFARABBI, BTP NEGERI KEDAH

3 MAC 2023



MESYUARAT AGUNG KAWASAN PERAK 2023

KOLEJ VOKASIONAL KERIAN, BAGAN
SERAI, PERAK

11 MAC 2023

INFO MESYUARAT

KEHADIRAN : 137 ORANG

PEMBIAYAAN : RM94,700.56



KEHADIRAN : 139 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 46,856.75

MESYUARAT AGUNG KAWASAN KELANTAN 2023

SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA, JALAN
SALOR, KOTA BHARU, KELANTAN

17 MAC 2023



MESYUARAT AGUNG KAWASAN TERENGGANU 2023

DEWAN UTAMA, SEKTOR SUMBER DAN
TEKNOLOGI PENDIDIKAN, MARANG,
TERENGGANU

18 MAC 2023

INFO MESYUARAT

KEHADIRAN : 371 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 42,163.92



KEHADIRAN : 189 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 57,045.21

MESYUARAT AGUNG KAWASAN SELANGOR 2023

DEWAN MELAWATI, HOTEL TH KELANA
JAYA, PETALING JAYA, SELANGOR

9 APRIL 2023



MESYUARAT AGUNG KAWASAN JOHOR 2023

SMK DATO SERT, JALAN YONG PENG
MUAR, JOHOR

5 MEI 2023

INFO MESYUARAT

KEHADIRAN : 235 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 43,134.33



KEHADIRAN : 200 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 62,512.66

MESYUARAT AGUNG KAWASAN MELAKA 2023

DEWAN SEKOLAH IMTIAZ ULUL ALBAB
MELAKA, ALOR GAJAH

6 MEI 2023



MESYUARAT AGUNG KAWASAN PERLIS 2023

DEWAN INDERA KAYANGAN, INSTITUT
PENDIDIKAN GURU KAMPUS, KANGAR,
PERLIS

13 MEI 2023

INFO MESYUARAT

KEHADIRAN : 450 ORANG

PEMBIAYAAN : RM105,361.05



KEHADIRAN : 188 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 92,300.00

MESYUARAT AGUNG KAWASAN PAHANG 2023

SMK PAYA BESAR, JALAN GAMBANG,
KUANTAN, PAHANG

20 MEI 2023



MESYUARAT AGUNG KAWASAN NEGERI SEMBILAN 2023

MASJID KARIAH TAMAN PAROI JAYA,
PERSIARAN MERAK, SEREMBAN

21 MEI 2023

INFO MESYUARAT

KEHADIRAN : 317 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 54,198.17



KEHADIRAN : 319 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 75,350.45

MESYUARAT AGUNG KAWASAN PULAU PINANG 2023

SK BERTAM INDAH, KEPALA BATAS,
PULAU PINANG

27 MEI 2023



MESYUARAT AGUNG KAWASAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2023

SMK PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR

28 MEI 2023

INFO MESYUARAT

KEHADIRAN : 108 ORANG

PEMBIAYAAN : RM 85,397.00

